

PENDAHULUAN

Dokumen Tender merupakan antara perkara utama yang disediakan dalam pelaksanaan sesuatu projek. Memandangkan kepentingannya sebagai sebuah dokumen perantaraan antara pihak Pentender dan Kerajaan, penyediaannya mestilah sempurna bagi memastikan projek dapat berjalan dengan lancar mengikut keperluan projek tanpa sebarang tuntutan atau tuntutan diminimalkan.

Seringkali terdapat ketidakseragaman dalam penyediaan Dokumen Tender walaupun pada perkara-perkara asas. Justeru itu, Sampel Dokumen Tender [Kerja] berasaskan Syarat-syarat Kontrak JKR 203A telah disediakan sebagai panduan dan rujukan untuk kegunaan pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam penyediaannya.

Jawatankuasa Pembangunan Bahagian Ukur Bahan yang bertanggungjawab dalam penyediaan Sampel Dokumen Tender ini telah memperkenalkan pembaharuan. Di antaranya adalah kepada susunatur kandungan Dokumen Tender dan Arahan kepada Pentender di mana ianya telah diolah dan disusun semula agar kehendak Jabatan dapat dimaklumkan dengan lebih jelas dan berkesan kepada Pentender.

Sampel Dokumen Tender ini tidak mengandungi Spesifikasi dan Senarai Kuantiti memandangkan ia tertakluk kepada kehendak sesuatu projek.

Dengan adanya Sampel Dokumen Tender ini adalah diharapkan ia dapat membantu pihak-pihak yang terlibat untuk menyediakan dokumen tender yang lebih teratur dan mematuhi semua arahan dalam Surat-surat Pekeliling yang masih berkuatkuasa. Sehubungan itu Sampel ini akan dikemaskini dari masa ke semasa apabila wujudnya keperluan.

**JAWATANKUASA PEMBANGUNAN UKUR BAHAN
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA**